



Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri (Tahun Rujukan: 2024)



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI 2024

Eksport

RM1,507.7 b

▲ 5.7%



Import

RM1,370.8 b

▲ 13.2%

Jumlah Dagangan

RM2,878.5 b

▲ 9.1%




Imbangan Dagangan

RM136.8 b

▼ 36.4%

▲ ▼ Semua perubahan berdasarkan perbandingan tahun ke tahun




Eksport: RM94.0 b
Import: RM165.7 b

**Perdagangan
Sehala**



**Perdagangan
Dua Hala**

Eksport: RM1,392.9 b
Import: RM1,175.7 b



Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
- Statistik yang dipamerkan bagi tahun 2024 adalah merujuk kepada statistik *provisional* dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Indeks keterbukaan perdagangan (IKP) Malaysia bagi tahun 2024 meningkat kepada 149.0 dengan Pulau Pinang dan Johor masing-masing merekodkan IKP tertinggi dengan nilai indeks 542.6 dan 326.8 pada tahun 2023

- Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM2.9 trilion pada tahun 2024 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM1.5 trilion dan RM1.4 trilion.
- Indeks keterbukaan perdagangan Malaysia bagi tahun 2024 telah direkodkan pada 149.0 berbanding 144.6 pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2023, empat (4) negeri mencatatkan indeks yang lebih tinggi berbanding paras nasional iaitu Pulau Pinang 542.6 (2022: 626.9), Johor 326.8 (2022: 367.4), W.P. Labuan 229.3 (2022: 336.9) dan Kedah 220.1 (2022: 227.7).
- Eksport Malaysia pada tahun 2024 mencatatkan peningkatan 5.7 peratus kepada RM1.5 trilion berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM61.7 bilion), Johor (+RM28.3 bilion), Selangor (+RM28.0 bilion), Perak (+RM10.8 bilion), Terengganu (+RM6.4 bilion), Sarawak (+RM4.4 bilion), Kedah (+RM1.8 bilion), Pahang (+RM1.0 bilion), Melaka (+RM457.5 juta), Kelantan (+RM311.4 juta) dan Negeri Sembilan (+RM272.1 juta). Walau bagaimanapun, eksport menurun di Sabah (-RM59.3 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM3.4 bilion), W.P. Labuan (-RM896.4 juta) dan Perlis (-RM112.8 juta).
- Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 32.8 peratus, diikuti oleh Johor (20.3%), Selangor (17.6%), Sarawak (7.7%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.3%).
- Pada masa yang sama, import Malaysia pada tahun 2024 mencatatkan peningkatan sebanyak 13.2 peratus atau RM159.8 bilion berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan import dipengaruhi oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM53.1 bilion), Johor (+RM52.5 bilion), Selangor (+RM51.3 bilion), Kedah (+RM23.7 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM21.5 bilion), Negeri Sembilan (+RM3.1 bilion), Melaka (+RM2.5 bilion), Perak (+RM2.4 bilion), Pahang (+RM1.4 bilion), Terengganu (+RM1.4 bilion), W.P. Labuan (+RM626.2 juta), Kelantan (+RM486.2 juta) dan Perlis (+RM438.0 juta). Walau bagaimanapun, import menurun di Sabah (-RM57.1 juta) dan Sarawak (-RM619.5 juta).
- Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 26.0 peratus, diikuti oleh Johor (23.0%), Pulau Pinang (21.4%), W.P. Kuala Lumpur (7.7%) dan Kedah (6.1%).

